

SOALAN NO: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB HJH SITI ZAILAH BT MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 47

YB GERIK minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak perjawatan baru yang dibuka untuk pengambilan anggota Angkatan Pertahanan Awam dan berapakah nilai terkini Sukarelawan Pertahanan Awam yang kita ada bagi memastikan kekuatan yang mencukupi dalam menghadapi bencana;

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kerajaan amat komited bagi mempersiapkan rakyat ke arah komuniti yang memiliki ilmu pengetahuan dan berdaya tahan di dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman keselamatan, kecemasan dan bencana dengan mewujudkan budaya *Community Based Risk Management*, di mana rakyat dilibatkan secara menyeluruh sebagai barisan hadapan memberikan maklumat dan tindak balas kepada agensi Kerajaan khususnya APM. Perkara ini juga menjadi komitmen Kerajaan di dalam memastikan keutuhan atau daya tahan rakyat (*resilience*) di bawah *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction* (SFDRR) dapat dicapai dengan jayanya. Melalui Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), pelbagai usaha telah dirancang dan dilakukan termasuklah dengan mewujudkan Pasukan – Pasukan Kadet Pertahanan Awam di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi memastikan golongan muda didedahkan di peringkat awal mengenai pengurusan bencana. Selain daripada lantikan Pegawai Kehormat dan Pegawai Bersekutu kepada ketua-ketua komuniti, APM juga telah melaksanakan pelbagai bentuk latihan dan ceramah kepada orang awam dan sedang meningkatkan usaha penubuhan *Civil Defence Emergency Response Team* (CDERT) terutamanya di kawasan yang mempunyai sejarah risiko kejadian bencana di seluruh Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua dan Ahli - Ahli Yang Berhormat,

Atas usaha-usaha Kerajaan melalui APM seperti yang dinyatakan sebelum ini, APM telah mensasarkan pendaftaran seramai 2 juta anggota sukarela sehingga penghujung tahun 2017 dengan pencapaian semasa pendaftaran yang direkodkan di dalam Sistem Pendaftaran Anggota Online MyAPM adalah seramai hampir 1.6 juta orang anggota (** **Nota jumlah keseluruhan adalah 1,577,039 – data sehingga 22 Oktober 2017**). Pendaftaran anggota ini tidak meliputi jumlah pendaftaran anggota secara manual iaitu